# Kertas Bil. 58/2015

DEWAN NEGERI SELANGOR

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN 6 – 9 APRIL 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR–JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PERLAKSANAAN PROJEK HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION SYSTEM (HORAS) 600**

**KERTAS BILANGAN 15/2015**

---

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| 1 | Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung "Pelaksanaan Projek Hybrid off River Augmentation System (HORAS) 600". | 7.1. Kerajaan Negeri hendaklah mengenalpasti kadar pengeluaran HORAS 600 supaya kerja-kerja pam boleh dirancang mengikut kadar pengeluaran yang ditetapkan oleh kerajaan. | √ | | Berdasarkan kajian yang telah dibuat, kadar pengeluaran HORAS 600 adalah seperti berikut:<br>• 300MLD – upaya bertahan selama 4 bulan<br>• 600MLD – upaya bertahan selama 2 bulan |
| | | 7.2. Kerajaan Negeri boleh mempercepatkan projek HORAS 600 dengan membekalkan lebih tanah untuk simpanan stok pasir (supaya kadar pengeluaran pasir tidak bergantung kepada kadar penjualan pasir). | √ | | Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) selaku kontraktor bagi kerja pengorekan pasir telah merangka alternatif bagi membolehkan simpanan stok tanah dapat diselesaikan tanpa perlu bergantung kepada penjualan pasir. |
| | | 7.3. Kerajaan Negeri hendaklah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses pengambilalihan tanah di | √ | | Proses pengambilan balik tanah bagi Fasa 3 yang melibatkan tanah individu telah selesai. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN | | Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Setuju | Tidak Setuju | |
| | | Pejabat Tanah supaya Fasa 3 Projek HORAS 600 tidak tertangguh. | | | sedang dalam tindakan untuk membayar pampasan kepada tuan tanah. |
| 2 | Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung " Pencemaran Ammonia Di Loji Rawatan Air Batu 11, Cheras dan Bukit Tampoi di Sungai Langat". | 9.1. Jawatankuasa mencadangkan supaya tindakan serta merta diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pencemaran ammonia kerana ianya memberikan kesan yang buruk kepada rakyat dan ekonomi Negeri. | √ | | Kerjasama daripada IWK, ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan dan JKKK diperlukan dalam menghebahkan dan mempromosi kepada masayarakat setempat untuk pengosongan tangki septik individu.<br><br>LUAS turut bersama-sama dalam lawatan tapak bersama SPAN bagi semakan pematuhan terhadap loji rawatan kumbahan (LRK) persendirian, antaranya :<br>i. LRK Cheras Mahkota,<br>ii. Pejabat Tol Grand Saga Batu 9 dan Batu 11,<br>iii. Masterskill Nursy College Country Height,<br>iv. Jutamines Condominium,<br>v. Aeon Cheras Selatan, |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah